

Bab 5 : Ungkapan Algebra

5.1 Pemboleh ubah dan ungkapan algebra

1. Tulis pemboleh ubah dalam setiap sebutan algebra yang berikut.

(a) $4mnp$

(b) $-7q^2rs$

(c) $3rs^3tu$

2. Tulis (**T**) bagi nilai yang tetap dan (**B**) bagi nilai yang berubah dalam situasi yang berikut.

a	Keuntungan yang diperoleh sebuah kedai dalam setiap bulan.	
b	Bilangan murid yang menyertai suatu kuiz.	
c	Kelajuan sebuah kereta yang bergerak.	

3. Kenal pasti simbol yang mewakili suatu pemboleh ubah.

		Pemboleh ubah
a	Populasi bandar X telah meningkat ke n juta.	
b	Encik Y akan menyampaikan satu ceramah tentang kemahiran berpidato selama t jam.	
c	Syarikat telefon A mengenakan caj RM x per minit untuk panggilan nasional.	
d	Kereta api ke Singapura akan tiba di stesen W dalam m minit.	

4. Dalam pernyataan di bawah, yang manakah ialah suatu pemboleh ubah?

Sebuah pertubuhan H menderma P kampil beras kepada sebuah rumah orang tua Q dan pusat bantuan banjir R.

A. H

B. P

C. Q

D. R

5.

Bab 5 : Ungkapan Algebra

Encik J, seorang jurujual sebuah syarikat kereta K, telah menjual L kereta pada bulan M.

- A. J B. K C. L D. M

6.

Sebuah kereta api q bergerak dari stesen r sejauh s kilometer dalam masa t jam.

- A. q B. r C. s D. t

7. Dalam pernyataan, huruf manakah **bukan** pemboleh ubah?

Puan Aminah pergi ke pasar k untuk membeli m ekor ikan tenggiri, n ikat sayur sawi dan p kilogram ketam.

- A. k B. m C. n D. p

5.1c Menentukan nilai ungkapan (berikan jawapan sahaja)

Diberi $x = 3$, carikan nilai $2x$.	Diberi $x = -5$, carikan nilai $3x$.	Jika $x = 4$, $y = 5$ carikan nilai $x+y$.	Jika $x = 3$, $y = -5$ carikan nilai x y.	Jika $x = 8$, $y = 3$ carikan nilai $3xy$
Diberi $p = 5$, $q = 2$, dan $r = -4$, carikan nilai bagi setiap ungkapan yang berikut.				
(a) $2p + q$		(b) $3q - 4r + 8$		
(c) $5(p - r)$		(d) $\frac{r}{2} + 7q - 3$		